

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang membentukkan jawatankuasa khas dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi membanteras kegiatan peniaga dan penjaja warga asing di sekitar ibu negara.

# Rancang bentuk jawatankuasa khas dengan kerjasama agensi di bawah KDN

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL Noor Azman Mahlin berkata, pihaknya sedang berusaha mendapat kata sepakat bersama semua agensi terbabit dalam menangani permasalahan itu.

“Jabatan Penguatkuasaan DBKL dalam rangka perbincangan membentuk jawatankuasa bersama agensi di bawah KDN dan Jabatan Wilayah Persekutuan.

“Hal ini kerana Jabatan Penguatkuasaan DBKL mempunyai bidang kuasa terhadap menangani masalah seperti

peniaga atau penjaja warga asing.

“Menerusi kerjasama itu mungkin isu yang tidak berkesudahan ini dapat diselesaikan dengan segera,” katanya ketika ditemui di Menara Penguat Kuasa DBKL, kelmarin.

Beliau berkata, pihaknya sedar lokasi serbuan hanya sunyi sementara sebelum kembali aktif seperti sedia kala dengan kehadiran peniaga dan penjaja.

Justeru Noor Azman berkata, sekiranya Jabatan Penguatkuasaan DBKL mahu melakukan operasi, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan turut menyertainya.



“

**DBKL tiada kuasa mengawal kehadiran dan pergerakan warga asing**  
Noor Azman